

CNS5429

U GB 23-05 00170 BB809

aab

Mahathir - Pasifik

PERDAGANGAN TERBUKA DALAM ERA PASIFIK, KATA PM

I

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengenal pasti "dua tonggak" bagi pembinaan sebuah masyarakat Pasifik yang saling bekerjasama, cintakan perdamaian dan menikmati kemakmuran bersama.

Pertama ialah untuk memastikan sistem pasaran Pasifik yang mempunyai daya keusahawanan yang gigih dan menjadi pemangkin segala potensi sinergi yang ada di Pasifik, katanya.

"Yang kedua ialah memastikan pembangunan sistem ekonomi Pasifik yang berakar umbikan kepada sisten serantau terbuka," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar di perasmian mesyuarat am antarabangsa ke-27 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di sini.

Beliau berkata Era Pasifik perlu dibina di atas asas sistem ekonomi Pasifik yang liberal dan kukuh yang dapat mengurangkan rintangan terhadap aliran barangan dan perkhidmatan.

Perdana Menteri memberitahu lebih 500 ketua pegawai eksekutif yang menghadiri mesyuarat tiga hari itu bahawa "bagaimana kuat sekalipun kita di Pasifik, kita tidak seharusnya lupa kepada kesejagatan dunia". -- Lagi

▼23/05/16-58MST

CNS5436

U GB 23-05 00141 BB810

aab

Mahathir - Pasifik 2 Kuala Lumpur

"Kita di Pasifik tidak seharusnya lupa kepada kesejagatan. Masyarakat Pasifik yang akan kita bina tidak seharusnya terkongkong dan menindas orang lain," katanya.

"Adalah kurang bijak jika kita di Pasifik hanya bersatu untuk kepentingan sendiri, mengadakan benteng semata-mata untuk mengasingkan diri daripada orang lain."

"Masyarakat Pasifik kita mesti bersikap terbuka kepada dunia luar, kepada eksport dan pelaburan, teknologi dan penembusan secara menyeluruh ekonomi dari bahagian lain dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata rantau ini harus bebas daripada perangkap kemelut keEropahan yang menjadi punca kelemahan di Eropah Barat.

Perdana Menteri juga berkata mereka juga perlu komited terhadap keterbukaan serantau dalam pelbagai skim serantau yang mereka laksanakan, seperti Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) dan kawasan perdagangan bebas antara Australia dan New Zealand (ANZCERTA). -- Lagi

▼23/05/17-08MST

CNS5461

U GB 23-05 00199 BB811

aab

Mahathir - Pasifik 3 Kuala Lumpur

"Begitu juga dengan apa yang akan dilakukan di Asia Timur. Sebarang rancangan kerjasama ekonomi di Asia Timur termasuk Perundingan Ekonomi Asia Timur, yang telah menjadi mangsa salah maklumat yang disengajakan, perlu disandarkan kepada konsep keterbukaan serantau," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun negara-negara Pasifik terdiri daripada pelbagai kebudayaan dan keturunan, beliau yakin Masyarakat Pasifik sebenar yang perlu dibina dengan penuh kesabaran itu mestilah cergas dan perlu ditanamkan dengan semangat persahabatan dan setiakawan.

Ta juga haruslah menjadi masyarakat yang yakin kepada kesamarataan hak dalam sosial, ekonomi dan politik serta berdemokratik, dan menguntungkan semua negara anggota Pasifik, tambahnya.

"Ta hendaklah menjadi sebuah masyarakat yang boleh bertahan, bukan sebuah Pasifik yang dibina atas keghairahan yang sementara atau sebuah gabungan untuk keselesaan yang hanya wujud hari ini dan ghaib esoknya," kata Dr Mahathir.

"Era Pasifik kita tidak akan lahir jika kita bermusuhan sesama kita, jika kita pecah-belahkan Pasifik, jika kita adakan blok perdagangan yang bersikap menindas, jika kita tidak bersedia untuk melanjutkan aturan dan peraturan biasa kepada satu sama lain -- seperti Negara Pilihan Utama (MFN) -- yang menjadi lumrah antara negara-negara perdagangan." -- Lagi

▼23/05/17-23MST

CNS5475

U GB 23-05 00129 BB812

aab

Mahathir - Pasifik 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga berkata para pemimpin, pegawai, tokoh birokrat, cendekiawan atau media bukan golongan yang akan memainkan peranan utama untuk pembinaan Masyarakat Pasifik.

"Malah, betul atau silap, bagi pandangan saya mereka yang akan memainkan peranan penting untuk membina Masyarakat Pasifik yang memakan masa sehari-hari, berminggu-minggu, bertahun-tahun dan berdekad-dekad ialah para pekerja, pengurus dan usahawan dari kalangan masyarakat peniaga di negara-negara Lingkaran Pasifik.

Beliau berkata walaupun yang nyata kerajaan-kerajaan akan memainkan peranan utama, beliau tidak yakin dalam masa yang singkat pihak kerajaan akan mempunyai peranan yang begitu besar.

Katanya, jika Masyarakat Pasifik dibina mengikut cara masyarakat Eropah, ia akan hanya membawa kehancuran dan kemusnahan. -- Bernama.

ES KGO MGN OA